

## Tahap Pemrofesionalan Bidang Kejurubahasaan di Malaysia

Siti Aisyah Shaharudin<sup>a</sup>  
[p110992@siswa.ukm.edu.my](mailto:p110992@siswa.ukm.edu.my)  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

M. Zain Sulaiman<sup>b</sup>  
[zain@ukm.edu.my](mailto:zain@ukm.edu.my)  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

### ABSTRAK

Walaupun mempunyai sejarah yang panjang, kejurubahasaan sebagai sebuah kerjaya profesional masih ketinggalan di banyak negara termasuk Malaysia. Secara umumnya, jurubahasa masih dianggap sebagai kerjaya separa profesional yang masih berstatus rendah dan belum berkembang menjadi kerjaya profesional sepenuhnya memandangkan ia masih belum memenuhi ciri-ciri sebuah kerjaya profesional. Kajian ilmiah sedia ada berkaitan pemrofesionalan bidang kejurubahasaan di Malaysia amat terhad dan agak ketinggalan. Sepanjang lebih satu dekad yang lalu tiada kajian susulan dilakukan. Kajian ini meninjau perkembangan terkini proses pemrofesionalan bidang kejurubahasaan di Malaysia dengan mengaplikasikan satu-satunya model pemrofesionalan yang dibangunkan khusus untuk bidang kejurubahasaan iaitu model Tseng (1992) dengan memberi tumpuan kepada tiga elemen: (1) institusi pendidikan dan latihan, (2) persatuan/organisasi berkaitan kejurubahasaan, dan (3) sokongan politik dan kerajaan. Kaedah penyelidikan utama yang digunakan adalah kajian dokumen (*document review*). Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun terdapat perkembangan yang positif, bidang kejurubahasaan di Malaysia, secara umumnya, masih memaparkan ciri-ciri kecelaruan pasaran, dengan ketiadaan badan yang mengawal selia kemasukan pasaran dan menetapkan kod etika jurubahasa. Malaysia kini boleh dikatakan berada di fasa pertama (kecelaruan), kedua (pendidikan dan latihan) dan ketiga (pengiktirafan) secara serentak dalam model pemrofesionalan Tseng. Ini kerana sebahagian elemen ketiga-tiga fasa ini wujud dalam bidang kejurubahasaan tempatan, namun masih belum mencapai tahap kematangan. Apa yang diharapkan adalah untuk pemegang taruh industri kejurubahasaan tempatan terutamanya persatuan dan organisasi berkaitan kejurubahasaan, organisasi yang menyediakan pendidikan dan latihan kejurubahasaan, dan kerajaan menggembeng tenaga untuk terus berusaha merealisasikan proses pemrofesionalan kerjaya kejurubahasaan di Malaysia.

**Kata kunci:** kejurubahasaan; jurubahasa; pemrofesionalan; model Tseng; Malaysia

---

<sup>a</sup> Main author

<sup>b</sup> Corresponding author

## The Status of Interpreting Professionalisation in Malaysia

### ABSTRACT

Despite its long history, interpreting as a professional career is still lagging in many countries including Malaysia. Interpreting practice in general is still regarded as a low-status, semi-professional occupation that has yet to develop to a full-fledged profession. Existing research on the professionalisation of interpreting practice in Malaysia is quite limited and outdated. There has been no follow-up research conducted over the past decade. Based on Tseng's interpreting professionalisation model (1992), this study explores the latest development related to the professionalisation of interpreting practice in Malaysia, by focusing on three key elements: (1) education and training institutions, (2) associations/organisations related to interpreting, and (3) political and governmental support. The primary research method used for this study is document review. The findings show that although there are positive developments, interpreting practice in Malaysia still exhibits features of market disorder, due to the absence of a body which regulates market entry and provides a code of ethics. The local interpreting scene may be described as simultaneously being in phases one (disorder), two (education and training) and three (recognition) of Tseng's model of professionalisation. Elements of all three phases partially exist in the local interpreting landscape but have yet to reach maturity. It is hoped that stakeholders in the Malaysian interpreting industry, namely the associations and organisations related to interpreting, education and training providers, and the government, will work hand in hand to continue the efforts of professionalising interpreting practice in Malaysia.

**Keywords:** interpreting; interpreter; professionalisation; Tseng's model; Malaysia

### PENGENALAN

'Kejurubahasaan' (*interpreting*) merupakan istilah yang digunakan untuk merujuk kepada terjemahan bahasa lisan dan bahasa isyarat. Ini berbeza dengan istilah 'terjemahan' (*translation*) yang merujuk kepada terjemahan bertulis. Kejurubahasaan merupakan satu aktiviti yang telah diamalkan sejak zaman-berzaman. Namun sebagai sebuah disiplin ilmu, ia merupakan sebuah fenomena yang agak baru (Jourdenais & Mikkelson, 2015). Antara faktor utama di sebalik kelahiran disiplin akademik ini adalah usaha bagi mentransformasikan amalan kejurubahasaan yang telah dipraktikkan secara turun-temurun kepada satu profesion yang diiktiraf secara rasmi oleh masyarakat (Boéri, 2015). Proses transformasi ini dirujuk sebagai pemprofesionalan (*professionalisation*). Walaupun mempunyai sejarah yang panjang, kejurubahasaan sebagai sebuah kerjaya profesional masih ketinggalan di banyak negara termasuk Malaysia. Secara umumnya, jurubahasa masih dianggap sebagai kerjaya separa profesional yang masih berstatus rendah dan belum berkembang menjadi kerjaya profesional sepenuhnya memandangkan ia masih belum memenuhi ciri-ciri sebuah kerjaya profesional (Gentile, 2016). Antara ciri tersebut adalah wujudnya badan yang mengawal selia amalan kejurubahasaan.

Antara negara terkedepan dalam pemprofesionalan bidang kejurubahasaan ialah Australia (Hlavac, 2013, 2016; Pym et al., 2013). Di Australia, langkah-langkah mengawal selia bidang kejurubahasaan bermula seawal tahun 1977 dengan penubuhan National Accreditation Authority for Translators and Interpreters (Lembaga Akreditasi Negara untuk Penterjemah dan Jurubahasa) atau lebih dikenali dengan singkatan NAATI. Fungsi badan tersebut adalah bagi menetapkan,

mengekalkan dan menggalakkan standard profesional yang tinggi bagi profesion jurubahasa (NAATI, 2018). Kini, Australia dianggap sebagai negara yang mempunyai sistem akreditasi paling canggih dan maju di dunia (Pym et al., 2013).

Sepanjang hampir tiga dekad yang lalu, dan seiring dengan peralihan tumpuan penyelidikan Pengajian Terjemahan dan Kejurubahasaan kepada isu-isu sosiologi terjemahan dan kejurubahasaan (*sociological turn in Translation and Interpreting Studies*), kajian berkaitan pemrofesionalan kejurubahasaan mendapat perhatian para sarjana kejurubahasaan (cth. Boéri, 2015; Chen & Liao, 2016; Mikkelson, 1996; Rabadán-Gómez, 2016; Witter-Merithew & Johnson, 2004). Satu-satunya model pemrofesionalan kejurubahasaan yang sering menjadi rujukan untuk membincangkan tahap pemrofesionalan kejurubahasaan ialah model Tseng (1992), yang pada asalnya dibangunkan untuk membincangkan situasi kejurubahasaan persidangan di Taiwan. Sebagai contoh, Ioannidis dan Resta (2017) menggunakan model ini untuk menentukan tahap pemrofesionalan bidang kejurubahasaan berdasarkan aspek institusi latihan dan persatuan profesional di Greece, manakala Chen dan Liao (2016) menyesuaikan model ini untuk menelusuri perkembangan pemrofesionalan subbidang kejurubahasaan undang-undang di Taiwan. Rabadán-Gómez (2016) pula merujuk kepada model ini dalam menentukan tahap pemrofesionalan subbidang kejurubahasaan khidmat masyarakat (*public service interpreting*) di beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Kanada, Australia dan Sweden. Model ini, yang akan diguna pakai dalam kajian ini, akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah.

## KEJURUBAHASAAN DI MALAYSIA

Status dan perkembangan kerjaya jurubahasa di Malaysia hanya dibincangkan oleh sebilangan kecil sarjana (Bell & Zubaidah Ibrahim, 1997; Bell, 2007; Leelany Ayob, 2009; Noraini Ibrahim, 2008, 2009; Zubaidah Ibrahim, 2007; Zubaidah Ibrahim-Bell, 2008;). Hampir dua dekad yang lalu Zubaidah Ibrahim (2004) memerikan keadaan industri kejurubahasaan di Malaysia seperti berikut:

Malangnya, penyedia perkhidmatan bahasa di sini (Malaysia) beroperasi dalam pasaran yang celaru dan tidak dikawal selia, di mana sesiapa sahaja yang mengaku sebagai jurubahasa/penterjemah boleh bertindak sedemikian. Tidak seperti bidang perubatan dan undang-undang di mana kemasukan, keahlian dan tingkah laku ahli dikawal, penyedia perkhidmatan bahasa tidak mempunyai peraturan sedemikian. Terdapat kebimbangan yang serius bahawa penterjemah dan jurubahasa boleh dan mungkin akan memutar-belitkan makna, sama ada dengan sengaja atau tidak sengaja.

(Terjemahan penulis untuk petikan dari Zubaidah Ibrahim (2004))

Bell dan Zubaidah Ibrahim (1997) dan Zubaidah Ibrahim (2007) menekankan kepentingan industri kejurubahasaan di Malaysia terutamanya dalam sektor mahkamah dan perundangan dan mengatakan bahawa industri kejurubahasaan Malaysia menghadapi masalah serius, antaranya, kekurangan jurubahasa, gaji yang rendah dan tidak setimpal dengan tanggungjawab yang dipikul, ketiadaan kriteria kemasukan yang sesuai, kekurangan pendidikan formal dan latihan berterusan, kesamaran bidang tugas, dan kekurangan sokongan politik dan masyarakat.

Untuk mengatasi masalah yang dihadapi oleh industri kejurubahasaan tempatan, Bell (2007) menegaskan bahawa telah tiba masanya untuk menggerakkan proses pemrofesionalan kejurubahasaan dengan menubuhkan sebuah badan kawal selia yang mempunyai kuasa untuk mengakreditasikan program-program latihan dan memantau kualiti dan kesesuaian produk kejurubahasaan serta tingkah laku penyedia perkhidmatan kejurubahasaan. Beliau menekankan bahawa Institut Terjemahan Negara Malaysia (kini Institut Terjemahan & Buku Malaysia) perlu memainkan peranan utama dalam merealisasikan perkara ini.

Noraini Ibrahim (2008, 2009) turut menekankan kepentingan penubuhan badan kawal selia tersebut dan mencadangkan agar Institut Terjemahan Negara Malaysia, Persatuan Penterjemah Malaysia dan Universiti Sains Malaysia (sebagai peneraju latihan kejurubahasaan di Malaysia) bekerjasama dalam membangunkan sebuah badan dan sistem akreditasi jurubahasa di Malaysia dan mempelajari daripada pengalaman National Accreditation Authority for Translators and Interpreters (NAATI), Australia. Di samping itu, beliau turut menyenaraikan beberapa saranan penting bagi menjayakan proses pemprofesionalan kejurubahasaan di Malaysia termasuk menubuhkan persatuan khusus untuk jurubahasa, memperkenalkan kod etika jurubahasa, mengawal kemasukan jurubahasa ke pasaran, meningkatkan kesedaran awam terhadap bidang kejurubahasaan sebagai perkhidmatan profesional, menggalakkan penggunaan bahasa kebangsaan di acara-acara antarabangsa, serta meningkatkan keupayaan dan keberkesanan program pendidikan dan latihan kejurubahasaan sedia ada.

Leelany Ayob (2009) turut menyuarakan pendapat yang sama dan menegaskan bahawa keterlihatan (*visibility*) profesion kejurubahasaan perlu diperkasakan. Menurut beliau, kerjaya jurubahasa masih kurang terserlah di mata khalayak umum menyebabkan ramai yang masih tidak tahu akan wujudnya sebuah kerjaya yang bernama jurubahasa.

Berkaitan perkembangan kerjaya jurubahasa isyarat pula, Zubaidah Ibrahim-Bell (2008) menjelaskan bahawa keadaan perkembangan kerjaya jurubahasa isyarat di Malaysia, terutamanya dalam sektor mahkamah dan perundangan adalah jauh lebih ketinggalan berbanding jurubahasa lisan terutamanya dari segi latihan, pengiktirafan, dan penggajian.

Kajian ilmiah sedia ada berkaitan pemprofesionalan bidang kejurubahasaan di Malaysia amat terhad dan agak ketinggalan. Sepanjang lebih satu dekad yang lalu tiada kajian susulan dilakukan. Bagi menggiatkan semula kajian yang tertumpu kepada usaha pemprofesionalan bidang kejurubahasaan, satu kajian *overview* bagi meninjau perkembangan terkini industri dan kerjaya kejurubahasaan di Malaysia perlu dilakukan bagi mendapatkan gambaran tepat tentang kedudukan semasa industri kejurubahasaan dalam konteks pemprofesionalan. Justeru, matlamat kajian ini adalah untuk menerokai perkembangan terkini proses pemprofesionalan bidang kejurubahasaan di Malaysia dengan mengaplikasikan satu-satunya model pemprofesionalan yang dibangunkan khusus untuk bidang kejurubahasaan iaitu model Tseng (1992).


## MODEL PEMPROFESIONALAN TSENG

Model pemprofesionalan kejurubahasaan Tseng (1992) direka bentuk berdasarkan teori kawalan (*control theory*) yang berasal daripada bidang ilmu sosiologi dan diguna pakai untuk membincangkan pemprofesionalan kerjaya. Teori ini disifatkan sebagai teori asas yang sesuai digunakan bagi bidang kerjaya yang masih berada di tahap kemunculan (*emerging*) dan belum mencapai kematangan, seperti bidang kejurubahasaan. Dalam hujahnya, Tseng membandingkan teori kawalan dengan satu lagi teori pemprofesionalan iaitu teori atribut (*trait theory*), yang dianggap tidak memadai sebagai asas kerangka model pemprofesionalan kerjaya yang masih berada di tahap kemunculan. Menurut Tseng, kerjaya yang berada di peringkat kemunculan memerlukan kawalan dalaman dan luaran untuk menjamin usaha pemprofesionalan dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Model Tseng (1992) membahagikan proses pemprofesionalan bidang kejurubahasaan kepada empat fasa:

- Fasa 1:Kecelaruhan pasaran, tiada kawalan kemasukan pasaran, kurang penghargaan dan pemahaman pihak umum, tiada kawalan kualiti;
- Fasa 2:Kesedaran pasaran yang lebih baik, latihan tahap pendidikan tinggi, pengamal yang berkekeluargaan, persatuan profesional;
- Fasa 3:Kerjaya diiktiraf secara rasmi, kod etika, kemasukan dalam industri lebih terkawal;
- Fasa 4:Pengiktirafan kerajaan, autonomi, perlindungan dari segi undang-undang.

Dalam fasa pertama(kecelaruhan pasaran), Tseng (1992) mengutarakan bahawa institusi latihan berpotensi memberikan pengaruh positif atau negatif terhadap proses pemrofesionalan dalam menentukan hala tuju, sama ada akan kekal di fasa pertama atau maju ke fasa kedua. Momentum pemrofesionalan bermula dengan pengamal yang mahukan perubahan dan ingin beralih daripada situasi kecelaruhan pasaran. Pengamal kemudiannya beraspirasi untuk mencapai status jurubahasa profesional serta komited terhadap pemrofesionalan kerjaya, dan ini menandakan bermulanya fasa kedua. Namun demikian, kemajuan ini hanya dapat dicapai sekiranya institusi latihan memainkan peranan secara bertanggungjawab, dengan mengetatkan syarat kemasukan ke institusi latihan dan menyediakan latihan yang berkualiti demi menjamin mutu jurubahasa yang dilatih. Peralihan daripada fasa pertama ke fasa kedua dicetuskan oleh aspirasi pengamal, namun institusi latihan ternyata menjadi elemen penting dalam menentukan sama ada pemrofesionalan bidang kejurubahasaan kekal di fasa pertama atau dapat beralih ke fasa kedua.



RAJAH 1. Model pemrofesionalan Tseng (Dipetik daripada Tseng (1992), hlm. 43)

Fasa kedua bermula dengan kemunculan jurubahasa terlatih yang telah melalui program latihan daripada institusi latihan. Kualiti institusi latihan turut meningkat dan kini mampu menghasilkan lebih ramai jurubahasa yang mempunyai visi untuk bekerja dalam satu persekitaran profesional. Hal ini mencetuskan penubuhan persatuan yang akan menjadi platform bagi jurubahasa untuk berkumpul dan bersuara dalam usaha mencapai status profesional.

Penubuhan atau kewujudan persatuan profesional menandakan peralihan ke fasa ketiga pemrofesionalan kejurubahasaan. Model pemrofesionalan Tseng (1992) menggariskan tanggungjawab persatuan sebagai pemacu utama pemrofesionalan kejurubahasaan. Antara tanggungjawab yang dipikul oleh persatuan profesional termasuklah memberi perakuan bagi institusi latihan yang berkualiti tinggi, menyediakan dan menguatkuasakan kod etika, menetapkan syarat keahlian yang ketat untuk mengawal kemasukan pasaran, menyediakan khidmat nasihat

kepada klien, dan memberi impak dalam penetapan dasar kebangsaan melalui pengaruh politik. Kesemua hal ini dilaksanakan dengan satu matlamat utama iaitu mencapai pemprofesionalan kejurubahasaan. Seterusnya, Tseng (1992) menyarankan agar persatuan menjalankan kempen kesedaran masyarakat berkenaan jurubahasa dan kejurubahasaan. Di fasa ketiga ini, persatuan profesional sudah mempunyai kredibiliti dan kaedah publisiti ini dilakukan untuk meningkatkan lagi kawalan pasaran dengan mencipta naratif yang mencerminkan profesionalisme jurubahasa dan kejurubahasaan. Kesedaran masyarakat yang tinggi akan membantu peralihan pemprofesionalan dari fasa ketiga ke fasa keempat.

Fasa keempat dalam model pemprofesionalan Tseng (1992) merupakan gelombang kemuncak usaha kumulatif pemprofesionalan yang diterajui oleh persatuan profesional. Pada tahap ini, beberapa penanda aras telah pun dicapai. Persatuan berfungsi sebagai platform perkumpulan jurubahasa, di mana mereka dapat bertukar-tukar pendapat, beraspirasi untuk mencapai pemprofesionalan kerjaya dan suara kolektif mereka didengari kerana ia diwakili oleh persatuan yang berpengaruh besar. Persatuan menggunakan pengaruh ini untuk meningkatkan kesedaran umum serta klien berkenaan jurubahasa profesional, yang sekali gus meningkatkan status dan persepsi umum terhadap jurubahasa dan bidang kerjaya ini. Keadaan pasaran mula stabil kerana wujudnya kawalan kemasukan dan penetapan kod etika, institusi latihan mampu menyediakan program latihan yang berkesan dan bertaraf tinggi, kualiti jurubahasa yang meningkat, dan persatuan giat menjalankan kempen kesedaran untuk masyarakat serta mengukuhkan pengaruhnya dalam arena politik dan pembentukan dasar.

Apabila kesemua penanda aras ini telah dicapai, matlamat seterusnya dalam usaha pemprofesionalan di fasa terakhir ini adalah mendapatkan perlindungan status dan pelesenan daripada pihak berkuasa (kerajaan dan/atau undang-undang). Hal ini merupakan matlamat akhir bagi pemprofesionalan kejurubahasaan kerana perlindungan status dan pelesenan akan memartabatkan kerjaya jurubahasa sebagai suatu profesion, setaraf dengan profesion lain seperti jurutera, arkitek dan akauntan, yang turut mendapat pengiktirafan serupa. Berdasarkan model Tseng di atas, terdapat tiga elemen penting bagi memacu proses pemprofesionalan: institusi latihan, persatuan/organisasi penterjemah/jurubahasa, dan sokongan politik dan kerajaan.

## METODOLOGI

Bagi menerokai perkembangan terkini proses pemprofesionalan bidang kejurubahasaan di Malaysia, kerangka pemprofesionalan Tseng (1992) digunakan dengan memberi tumpuan kepada tiga elemen penting dalam dinamik pemprofesionalan kejurubahasaan iaitu (1) institusi pendidikan dan latihan, (2) persatuan/organisasi berkaitan kejurubahasaan, dan (3) sokongan politik dan kerajaan.

Metodologi yang digunakan bersifat kualitatif dan melibatkan kajian dokumen (*document review*). Dokumen yang dikaji merangkumi pelbagai jenis dokumen terutamanya yang diperolehi dari laman sesawang rasmi dan laporan akhbar. Semakan laman sesawang rasmi dilakukan bagi mendapatkan maklumat tentang institusi latihan yang meliputi institusi pengajian tinggi tempatan dan institusi bukan akademik yang menawarkan program latihan kejurubahasaan. Maklumat yang dikumpulkan adalah berkenaan jenis latihan yang ditawarkan, syarat penyertaan kursus, tempoh latihan serta maklumat asas lain berkenaan latihan. Semakan laman sesawang rasmi persatuan dan organisasi berkaitan kejurubahasaan dilakukan bagi mendapatkan maklumat berkaitan matlamat dan fungsi organisasi, syarat keahlian persatuan, jumlah ahli terkini serta perkhidmatan yang ditawarkan kepada ahli dan umum. Semakan laporan akhbar tempatan pula dilakukan bagi

mendapatkan maklumat yang diperlukan tentang sokongan politik dan kerajaan dalam proses pemrofesionalan kejurubahasaan di Malaysia.

Kaedah kajian dokumen ini mampu memberi maklumat dan perkembangan terkini berkaitan tajuk kajian, sekali gus memberikan gambaran sebenar berkenaan perkembangan dan perubahan semasa yang berlaku dalam kerjaya kejurubahasaan di Malaysia. Perkembangan kerjaya ini dapat dijejak secara linear melalui penjejakan tahun demi tahun atau berdasarkan penanda aras seperti penetapan undang-undang atau perubahan politik dan dasar kerajaan yang memberi impak kepada bidang ini.

## PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan tahap pemrofesionalan kejurubahasaan di Malaysia berdasarkan elemen yang diutarakan dalam model pemrofesionalan Tseng (1992). Perbincangan akan dikhususkan kepada tiga aspek utama yang ditekankan oleh model pemrofesionalan Tseng (1992) iaitu institusi pendidikan dan latihan, persatuan/organisasi berkaitan kejurubahasaan, dan sokongan politik dan kerajaan.

### INSTITUSI PENDIDIKAN DAN LATIHAN

Institusi latihan kejurubahasaan yang wujud di Malaysia terbahagi kepada dua kategori, iaitu institusi pendidikan di peringkat pengajian tinggi dan organisasi bukan akademik yang menyediakan latihan di tahap pengenalan untuk jurubahasa baru atau kursus pembangunan profesional berterusan bagi jurubahasa berpengalaman.

Bagi program pendidikan dan latihan yang ditawarkan di peringkat institusi pengajian tinggi, terdapat tiga subkategori program yang dikenal pasti. Subkategori pertama ialah program ijazah sarjana muda dan diploma yang berpotensi menawarkan gabungan kursus berbentuk teori dan praktikal. Subkategori kedua merangkumi program sarjana dan doktor falsafah, dengan fokus terhadap penyelidikan berkenaan kejurubahasaan. Manakala subkategori ketiga pula merupakan kursus-kursus berdiri sendiri (*stand-alone*) yang ditawarkan sebagai kursus elektif.

Untuk subkategori ijazah sarjana muda dan diploma, Universiti Sains Malaysia (USM) yang merupakan peneraju dalam penyediaan latihan bagi bidang kejurubahasaan di Malaysia, telah menawarkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Terjemahan dan Interpretasi) sejak tahun 1992. Program tersebut kini dinamakan Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian (Terjemahan dengan Interpretasi) dan tempoh masa pengajiannya adalah tiga setengah tahun atau tujuh semester. Selain syarat kelayakan am untuk kemasukan ke universiti iaitu kepujian bahasa Melayu dalam Sijil Pelajaran Malaysia dan Tahap 4 dalam Malaysian University English Test (MUET) atau setaraf, tiada syarat lain berkenaan keperluan bahasa yang ditetapkan bagi pemohon. Program ini bersifat menyeluruh dan relevan dengan perkembangan terkini bidang kejurubahasaan, yang mana fokus latihan bukan sahaja menjurus kepada pengetahuan teori dan praktikal kejurubahasaan, malah turut merangkumi aspek pengurusan kerjaya, keusahawanan dan kepimpinan. Latihan praktikal kejurubahasaan ditawarkan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (Universiti Sains Malaysia, 2022).

Selain USM, terdapat beberapa universiti tempatan lain yang turut menyediakan latihan kejurubahasaan. Management & Science University (MSU) menawarkan Diploma Terjemahan dan Interpretasi yang mengambil masa dua setengah tahun. Diploma ini merangkumi kursus-kursus pengenalan terjemahan dan interpretasi, kemahiran bahasa bagi penterjemah dan jurubahasa, dan pendekatan terjemahan dan interpretasi, serta pembelajaran beberapa pilihan



bahasa asing yang ditawarkan. Namun demikian, tidak dinyatakan pasangan bahasa terjemahan yang ditawarkan dan sama ada terdapat latihan praktikal kejurubahasaan dalam program diploma. Keperluan bahasa sebagai syarat kemasukan program juga tidak dinyatakan (Management & Science University, 2022).

Untuk subkategori program ijazah sarjana falsafah dan doktor falsafah dalam Pengajian Kejurubahasaan, terdapat dua universiti yang menawarkan program tersebut iaitu Universiti Sains Malaysia (Universiti Sains Malaysia, 2022), dan Universiti Putra Malaysia (Universiti Putra Malaysia, 2022). Walaupun program-program ini hanya melibatkan penyelidikan dalam bidang kejurubahasaan dan bukannya latihan kejurubahasaan untuk jurubahasa, ia amat penting dalam memperkasakan penyelidikan tempatan berkaitan kejurubahasaan dan seterusnya memacu proses pemrofesionalan kejurubahasaan di Malaysia.

Untuk subkategori modul kursus elektif pula, University of Nottingham Malaysia ada menawarkan modul Pengenalan Terjemahan dan Interpretasi selama satu semester. Modul ini terbuka kepada semua pelajar ijazah sarjana muda tahun dua dan tiga, dengan syarat kelayakan fasih berbahasa Inggeris dan salah satu bahasa asing daripada pilihan bahasa Mandarin, Melayu, Perancis, Jerman, Korea, Jepun atau Sepanyol. Walau bagaimanapun, modul ini berbentuk teori dan tidak melibatkan latihan praktikal kejurubahasaan (University of Nottingham Malaysia, 2022).

Selain program akademik yang ditawarkan oleh institusi pengajian tinggi, terdapat juga kursus-kursus kejurubahasaan yang ditawarkan oleh organisasi bukan akademik. Kursus-kursus ini menggunakan format kursus pendek (beberapa hari atau minggu) dan lazimnya dianjurkan oleh organisasi berkaitan kejurubahasaan dengan penekanan terhadap aspek amalan atau praktik kejurubahasaan. Tenaga pengajar bagi kursus sebegini dipilih daripada institusi latihan pengajian tinggi dan/atau pengamal bidang yang berpengalaman. Terdapat tiga organisasi utama yang menawarkan kursus latihan kejurubahasaan: Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) dan Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP).

ITBM menyediakan dua jenis kursus kejurubahasaan iaitu Kursus Jurubahasa Berturut dan Kursus Jurubahasa Serentak yang dijalankan secara intensif selama tiga hari bagi pasangan bahasa Melayu-Inggeris (Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2022). Walau bagaimanapun, kursus ini hanya ditawarkan berdasarkan permintaan dan dijalankan sekiranya bilangan peserta kursus mencukupi. Selain ITBM, PPM juga turut menawarkan kursus kejurubahasaan bertajuk Interpretasi Berasaskan Masyarakat yang dijalankan selama dua hari (Persatuan Penterjemah Malaysia, 2022). Kedua-dua organisasi yang menawarkan kursus kejurubahasaan ini menerima penyertaan daripada mana-mana individu (jurubahasa atau bukan jurubahasa) yang berminat untuk mendapatkan latihan, tanpa menetapkan apa-apa syarat penyertaan.

Satu lagi organisasi yang turut menyediakan latihan kejurubahasaan di Malaysia ialah ILKAP, yang menawarkan Kursus Penterjemahan untuk Jurubahasa Mahkamah (Lisan dan Penulisan) yang berlangsung selama tiga hari. Kursus ini merupakan sebahagian daripada program latihan tahunan yang hanya terbuka kepada Jurubahasa Mahkamah dan pegawai daripada Jabatan Peguam Negara dan Tribunal dan melibatkan pasangan bahasa Melayu-Inggeris (Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan, 2022).

Berdasarkan bilangan program latihan kejurubahasaan yang ditawarkan di negara ini oleh beberapa universiti dan organisasi berkaitan, bidang kejurubahasaan ternyata sudah mula memiliki keupayaan dan tenaga pengajar untuk menyediakan latihan. Lebih kurang dua dekad yang lalu, Bell dan Zubaidah Ibrahim (1997) dan Zubaidah Ibrahim (2007) menyatakan bahawa terdapat kekurangan pendidikan formal dan latihan berterusan, tetapi senario semasa bagi pendidikan dan

latihan kejurubahasaan jelas menunjukkan perkembangan yang positif. Jika dibandingkan dengan saiz pasaran kejurubahasaan di Malaysia, bilangan institusi latihan kejurubahasaan, secara zahirnya, boleh dikatakan memadai bagi menyediakan jurubahasa terlatih.

Namun demikian, dalam kalangan tenaga pengajar akademik sendiri, masih ada keraguan berkenaan keupayaan mereka untuk melatih jurubahasa secara efektif memandangkan mereka kekurangan pengalaman bekerja sebagai jurubahasa (Leelany Ayob, 2010). Pengalaman kerja amat penting disebabkan sifat bidang kejurubahasaan itu sendiri yang berbentuk praktikal. Sekiranya tenaga pengajar tidak mempunyai pengalaman melakukan aktiviti kejurubahasaan, keyakinan terhadap kebolehan melatih mungkin agak rendah. Model pemrofesionalan Tseng (1992) secara khusus menggariskan bahawa latihan perlulah disediakan di peringkat universiti atau dengan kerjasama universiti (bagi program bukan akademik) untuk menjamin kualiti jurubahasa, namun pernyataan Leelany Ayob (2010) berkenaan keraguan tenaga pengajar akademik terhadap keupayaan mereka dalam menyediakan latihan adalah agak membimbangkan. Hal ini menimbulkan persoalan berkenaan kualiti latihan yang ditawarkan di peringkat pengajian tinggi serta keberkesanannya dalam melahirkan jurubahasa yang berkemahiran dan kompeten. Seperti yang telah ditekankan di awal perbincangan ini, menurut Tseng, institusi latihan berperanan menentukan peralihan fasa pemrofesionalan dari fasa pertama ke fasa kedua. Sekiranya kualiti tidak terjamin di peringkat awal kemasukan jurubahasa dalam program latihan dan ke dalam pasaran, usaha pemrofesionalan akan bermula dengan asas yang lemah. Leelany Ayob seterusnya menyarankan agar pengamal kejurubahasaan dan tenaga pengajar akademik bergabung usaha dalam menyediakan latihan agar latihan teori dan amalan praktikal dapat digabungkan dan dimanfaatkan oleh jurubahasa pelatih.

Satu lagi aspek penting berkenaan pendidikan dan latihan yang perlu dinyatakan di sini adalah pasangan bahasa yang ditawarkan oleh institusi pendidikan dan latihan. Program latihan akademik dan latihan berterusan yang menyediakan latihan praktikal (USM, ITBM dan ILKAP) mempunyai fokus terutamanya bagi pasangan bahasa Melayu-Inggeris. Malah USM sebagai peneraju penyedia latihan kejurubahasaan yang telah menawarkan program ijazah sarjana terjemahan dan kejurubahasaan sejak hampir 30 tahun lalu masih belum menambah pilihan pasangan bahasa bagi latihan praktikal kejurubahasaan. Hal ini mungkin disebabkan kebanyakan tenaga pengajar mempunyai keupayaan melatih secara praktikal yang terhad. Dalam tempoh beberapa tahun lalu, terdapat universiti swasta yang telah mula memperkenalkan program kejurubahasaan di peringkat diploma dan modul elektif serta menyenaraikan bahasa asing sebagai syarat kemasukan, dan perkembangan ini diharapkan dapat menambahkan lagi pilihan pasangan bahasa yang tersedia bagi latihan praktikal kejurubahasaan.

Pendidikan dan latihan kejurubahasaan di Malaysia memaparkan perkembangan yang menggalakkan, dengan kewujudan institusi latihan bersifat akademik dan latihan berterusan. Program yang ditawarkan di peringkat akademik merangkumi program diploma, ijazah sarjana muda dan modul elektif, malah terdapat beberapa universiti tempatan yang giat menjalankan penyelidikan berkenaan kejurubahasaan di peringkat sarjana dan doktor falsafah. Latihan berterusan yang ditawarkan oleh organisasi bukan akademik memberi peluang kepada jurubahasa sedia ada untuk meningkatkan lagi kemahiran kejurubahasaan mereka. Perkembangan ini diharapkan bakal melahirkan lebih ramai jurubahasa yang terlatih dari segi teori dan praktikal bagi memenuhi keperluan industri tempatan. Penyelidikan akademik dalam bidang kejurubahasaan juga diharapkan dapat memperkayakan bidang ilmu kejurubahasaan terutamanya dalam konteks Malaysia.

Selain latihan umum kejurubahasaan lisan, trend latihan di Malaysia turut menawarkan latihan dalam dua subbidang pengkhususan kejurubahasaan: kejurubahasaan mahkamah, dan kejurubahasaan isyarat. Dalam subbidang kejurubahasaan mahkamah, ILKAP menawarkan latihan tahunan bagi jurubahasa mahkamah lantikan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi semua jurubahasa yang berkhidmat di mahkamah di seluruh Malaysia. Pada tahun 2017, Istana Kehakiman Malaysia dengan kerjasama ITBM, telah menganjurkan satu siri kursus intensif lima hari bagi jurubahasa mahkamah bahasa asing untuk melatih jurubahasa sambil berkenaan tatacara dan etika mahkamah, teknik kejurubahasaan mahkamah dan di akhir kursus, peserta akan dinilai melalui satu ujian *mock trial* (Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2022). Semua jurubahasa sambil yang telah mengambil kursus ini akan diberi keutamaan untuk berkhidmat di mahkamah Malaysia (Institut Terjemahan dan Buku Malaysia, 2022).

Dalam subbidang kejurubahasaan isyarat, terdapat dua organisasi yang menyediakan latihan peringkat diploma yang khusus bagi kejurubahasaan isyarat. RC Deaf Missions Malaysia dengan kerjasama Philippine Association of Interpreters for Deaf Empowerment (PAIDE) menawarkan Diploma Interpretasi Bahasa Isyarat. Calon mestilah mempunyai kemahiran berbahasa isyarat dan diploma ini merangkumi kurikulum berkenaan sejarah Pekak dan bahasa isyarat, kemahiran kejurubahasaan mengikut bidang (undang-undang dan perubatan), kod etika dan budaya kontemporari Pekak. Kursus ini mengambil masa satu setengah tahun (RC Deaf Missions Malaysia, 2022).

Satu lagi diploma yang ditawarkan dalam bidang kejurubahasaan isyarat dikendalikan oleh Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech, dengan Kerjasama Persatuan Orang Pekak Malaysia (MFD). Pengajian Diploma Jurubahasa Isyarat ini ditawarkan sejak tahun 2007 di pusat latihan MFD, yang ditubuhkan dengan dana peruntukan kerajaan melalui Bajet 2007. Program ini diharapkan dapat mencapai standard yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia, malah MFD yakin bahawa dana yang disediakan akan membolehkannya menjalankan penilaian dan prosedur akreditasi (Zubaidah Ibrahim-Bell, 2008). Namun demikian, program diploma ini yang telah melahirkan ramai jurubahasa isyarat terlatih di Malaysia telah ditamatkan pada tahun 2017.

Pada tahun 2021, MFD dan Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (MyASLI) dengan kerjasama BERNAMA TV dan ITBM, telah melancarkan kursus Jurubahasa Isyarat Malaysia (JBIM) untuk melatih semua jurubahasa isyarat yang akan berkhidmat di stesen televisyen tempatan (Kementerian Kewangan Malaysia, 2022).

Kejurubahasaan mahkamah dan isyarat memaparkan keunikan kerana kedua-duanya disokong oleh organisasi luar yang bukan daripada bidang kejurubahasaan. Bagi kejurubahasaan mahkamah, Istana Kehakiman mengiktiraf kepentingan jurubahasa terlatih bagi menjamin kelancaran proses keadilan di mahkamah. Justeru, Istana Kehakiman melaksanakan kerjasama dengan ITBM (organisasi berkaitan kejurubahasaan) untuk memastikan kualiti jurubahasa sambil yang ditugaskan menepati standard yang dikehendaki. Bagi kejurubahasaan isyarat, sokongan luar ini datang dalam bentuk pengaruh dan kuasa politik, contohnya daripada Senator Datuk Ras Adiba Mohd Radzi, yang juga merupakan Pengerusi BERNAMA. Dalam satu temu bual video dengan BERNAMA TV (2022), beliau menyatakan bahawa Kursus Jurubahasa Isyarat Malaysia dilaksanakan dengan tujuan melahirkan lebih ramai jurubahasa isyarat bertauliah untuk bekerja di stesen-stesen televisyen bagi memberikan akses media yang lebih meluas kepada komuniti Pekak.

Berbanding dengan keadaan kerjaya jurubahasa isyarat di Malaysia yang ketinggalan seperti mana dilaporkan oleh Zubaidah Ibrahim-Bell (2008) lebih sedekad yang lalu, perkembangan semasa kerjaya jurubahasa isyarat di Malaysia memaparkan perbezaan yang agak

ketara. Kini, latihan dalam subbidang kejurubahasaan isyarat di Malaysia lebih rancak berbanding kejurubahasaan lisan, khususnya dengan sokongan politik serta keterlihatan di media yang semakin meluas.

### **PERSATUAN DAN ORGANISASI BERKAITAN KEJURUBAHASAAN**

Di Malaysia, terdapat tiga persatuan berkaitan jurubahasa yang aktif iaitu Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM), Kesatuan Jurubahasa dan Penterjemah Kementerian Kehakiman Malaysia Barat, dan Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (MyASLI). PPM telah ditubuhkan pada 4 Oktober 1979 di bawah naungan Dewan Bahasa dan Pustaka, dengan visi untuk meningkatkan bidang terjemahan oleh penterjemah yang berwibawa serta profesional agar hasil karya mereka mematuhi serta mencapai tahap piawaian dan amalan yang diiktiraf di peringkat negara dan antarabangsa (Persatuan Penterjemah Malaysia, 2022). PPM menawarkan keahlian bagi penterjemah dan jurubahasa yang terbuka kepada semua warganegara Malaysia berumur 21 tahun ke atas, yang menunjukkan minat, keupayaan, bakat dan kemahiran dalam bidang dan industri terjemahan, dan/atau bekerja dalam bidang berkaitan penghasilan terjemahan dari bahasa asing ke bahasa Melayu dan sebaliknya. Keutamaan diberikan kepada individu yang telah menyertai dan lulus kursus terjemahan yang dianjurkan oleh PPM, badan kerajaan atau swasta dan mana-mana institusi pendidikan tinggi di dalam dan luar negara. Keahlian juga terbuka kepada penterjemah dan jurubahasa sepenuh masa atau sambilan. Individu bukan warganegara yang terlibat dalam kerjaya terjemahan/kejurubahasaan dan memenuhi kriteria tersebut boleh mendaftar sebagai ahli bersekutu. Bilangan jurubahasa yang menjadi ahli PPM tidak dinyatakan dalam laman web rasmi, dan jumlah terkini keseluruhan ahli PPM (termasuk penterjemah, penyunting dan pengamal bahasa lain) juga tidak dinyatakan. Selain menawarkan keahlian, PPM turut menyediakan khidmat terjemahan dan kejurubahasaan secara komersial, kursus latihan, penerbitan buku dan kerjasama penerbitan, penganjuran persidangan terjemahan antarabangsa dan aktif dalam penyertaan persidangan terjemahan di peringkat antarabangsa.

Kesatuan Jurubahasa dan Penterjemah Kementerian Kehakiman Malaysia Barat merupakan kesatuan sekerja bagi jurubahasa dan penterjemah mahkamah lantikan SPA, yang didaftarkan di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 (AKTA 262) pada 14 Jun 1988. Tidak banyak maklumat yang tersedia bagi kesatuan ini, namun Bell (2007) melaporkan bahawa kesatuan ini mempunyai seramai 300 ahli pada tahun 2004. Maklumat berkenaan matlamat dan fungsi, syarat keahlian dan perkhidmatan yang ditawarkan kesatuan sekerja ini juga tidak dinyatakan.

MyASLI ditubuhkan dengan tujuan memperjuangkan hak jurubahasa isyarat di Malaysia, menyediakan latihan dan pendidikan dalam bidang kejurubahasaan isyarat, menyediakan perkhidmatan kejurubahasaan isyarat, meningkatkan kesedaran terhadap kewujudan perkhidmatan yang disediakan oleh jurubahasa isyarat, serta memberikan sokongan dan galakan kepada jurubahasa isyarat di Malaysia (Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia, 2022). Sorotan media sosial MyASLI memperlihatkan sebuah persatuan yang aktif mempromosikan aktiviti bersama ahli, berita berkenaan komuniti Pekak dan kejurubahasaan isyarat di media serta usaha yang dijalankan untuk meningkatkan kualiti dan jumlah jurubahasa isyarat tempatan. Walau bagaimanapun, maklumat berkenaan jumlah terkini ahli MyASLI tidak dinyatakan.

Selain PPM, Kesatuan Jurubahasa dan Penterjemah Kementerian Kehakiman Malaysia Barat dan MyASLI, terdapat satu organisasi berkaitan terjemahan dan kejurubahasaan di Malaysia, iaitu ITBM. Walaupun bukan persatuan penterjemah/jurubahasa, organisasi ini memainkan peranan penting dan mempunyai kuasa serta pengaruh besar dalam menentukan hala tuju

kejurubahasaan tempatan kerana salah satu objektif penubuhan ITBM adalah untuk memantapkan perkhidmatan kejurubahasaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Institut Terjemahan & Buku Malaysia (sebelum ini Institut Terjemahan Negara Malaysia) ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada 14 September 1993 sebagai sebuah syarikat berkaitan kerajaan (Institut Terjemahan & Buku Malaysia, 2022). Modal asas ITBM dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan) manakala pentadbirannya diselia oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Antara matlamat penubuhan ITBM adalah untuk mengangkat bidang terjemahan dalam negara dan mengendali hal ehwal berkaitan terjemahan, kejurubahasaan dan pemindahan ilmu pada semua peringkat, kebangsaan mahupun antarabangsa. Semakan terhadap laman sesawang rasmi ITBM memperlihatkan lima perkhidmatan utama yang ditawarkan iaitu terjemahan, suntingan, kejurubahasaan, penerbitan dan kursus.

Semua persatuan dan organisasi berkaitan kejurubahasaan tempatan yang dibincangkan di atas memainkan peranan tersendiri dalam bidang kejurubahasaan, namun tidak wujud agenda jelas yang mempamerkan hasrat mahupun usaha eksplisit bagi pemrofesionalan kerjaya kejurubahasaan. Berdasarkan senario yang diperhatikan di Malaysia, persatuan jurubahasa dan organisasi berkaitan kejurubahasaan tempatan masih ketinggalan dalam memainkan peranan seperti yang digariskan oleh Tseng, untuk memartabatkan kejurubahasaan sebagai satu bidang profesional. Persatuan dan organisasi kejurubahasaan di Malaysia tidak menyediakan dan menguatkuasakan kod etika, tidak menetapkan syarat keahlian yang ketat untuk mengawal kemasukan pasaran, tidak menjalankan kempen kesedaran masyarakat terhadap bidang kejurubahasaan, serta tidak memberi impak dalam penetapan dasar kebangsaan melalui pengaruh politik. Tseng (1992) menyebutkan bahawa suatu kerjaya tidak boleh dianggap sebagai profesional tanpa organisasi yang memainkan peranan untuk mengambil tindakan kolektif terhadap pemrofesionalan kerjaya tersebut. Aspirasi yang diutarakan Tseng ini mencerminkan suatu ideal berkenaan cara pemrofesionalan dapat dipacu oleh persepakatan pengamal yang diwakili persatuan. Suara kolektif ini bukan sahaja lebih lantang dan berkesan berbanding suara individu, malah dapat mengukuhkan visi yang sama serta komitmen yang lebih teguh untuk mencapai status profesional dalam kalangan pengamal.

#### SOKONGAN POLITIK DAN KERAJAAN

Kesedaran berkenaan kerjaya jurubahasa kini semakin meningkat, baik dari pihak kerajaan mahupun masyarakat. Jurubahasa kini mempunyai keterlihatan (*visibility*) yang lebih baik. Sekarang, masyarakat dapat melihat sendiri khidmat yang ditawarkan jurubahasa, contohnya jurubahasa isyarat di kaca televisyen dan jurubahasa persidangan dalam acara-acara antarabangsa. Selari dengan peningkatan kesedaran ini, bidang kejurubahasaan di Malaysia turut menikmati manfaat tertentu dari segi sokongan politik dan kerajaan.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob baru-baru ini menyatakan bahawa Malaysia akan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam setiap urusan rasmi negara termasuk mesyuarat dan persidangan antarabangsa sebagai usaha memartabatkan bahasa kebangsaan (BERNAMA, 2022). Walaupun usaha ini masih berada di peringkat awal dan tidak jelas bagaimana ia akan dipraktikkan, pengumuman ini merupakan satu perkembangan baik bagi bidang kejurubahasaan secara keseluruhan dan selari dengan saranan Noraini Ibrahim (2008, 2009) yang menyarankan penggunaan bahasa kebangsaan dalam acara-acara antarabangsa untuk menjayakan proses pemrofesionalan kejurubahasaan. Permintaan terhadap khidmat kejurubahasaan dijangka akan meningkat, khususnya bagi pasangan bahasa Melayu dan bahasa asing. Hal ini menekankan lagi kepentingan pemrofesionalan kejurubahasaan kerana khidmat

kejurubahasaan yang disediakan bagi urusan rasmi negara semestinya memerlukan jurubahasa yang terlatih dengan jaminan kualiti tinggi.

Subbidang kejurubahasaan mahkamah tidak terkecuali dan turut mendapat sokongan kerajaan khususnya dari segi penetapan undang-undang. Perlembagaan Persekutuan dan Bab 270 Kanun Prosedur Jenayah menetapkan hak seseorang individu untuk mendapatkan perkhidmatan jurubahasa, sekiranya individu ini terlibat dalam prosiding di mahkamah, sama ada sebagai tertuduh, litigan, defendan atau saksi, yang tidak mampu berbahasa Melayu dengan fasih untuk melibatkan diri dalam prosiding (Zuraidah Ibrahim-Bell, 2008). Peruntukan bagi perkhidmatan jurubahasa ini turut dinyatakan dalam Bab 172 Kanun Prosedur Jenayah, dengan merujuk kepada keperluan terjemahan dokumen (salinan pertuduhan dan bahan bukti) atau khidmat jurubahasa semasa deposisi. Apabila hak mendapatkan khidmat jurubahasa dalam prosiding mahkamah bagi individu yang tidak fasih berbahasa Melayu telah dinyatakan dengan jelas dari segi undang-undang, hal ini tidak dapat dipertikaikan lagi dan jurubahasa perlu disediakan bagi memastikan prosedur mahkamah dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama.

Kejurubahasaan isyarat di Malaysia kini telah mencapai tahap keterlihatan (*visibility*) yang menggalakkan. Peningkatan kesedaran awam terhadap keperluan komuniti Pekak kebelakangan ini telah memainkan peranan penting dalam peningkatan sokongan politik dan kerajaan terhadap kejurubahasaan isyarat. Sebagai contoh, baru-baru ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd Harun berkata, terdapat 95 jurubahasa isyarat yang berdaftar di bawah Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) berbanding 40,389 orang kurang upaya (OKU) pendengaran yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat setakat tahun 2021 (Sinar Harian, 2022). Ini bermakna, seorang jurubahasa isyarat perlu menyediakan perkhidmatan kepada 425 orang Pekak. Hal ini mustahil dapat dilaksanakan dan kesannya, ramai orang Pekak yang terlepas peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dan ekonomi disebabkan kekangan komunikasi. Isu ini menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan komuniti Pekak Malaysia dan mencetuskan momentum bagi mendapatkan hak yang saksama. Isu keperluan untuk mendapatkan khidmat jurubahasa isyarat dan kepentingan jurubahasa isyarat terlatih sering mendapat liputan media dan hal ini sekali gus meningkatkan kesedaran umum tentang kepentingan jurubahasa bagi segmen tertentu dalam masyarakat.

Keperluan jurubahasa isyarat ini turut mendapat sokongan politik dan dibincangkan di peringkat Parlimen. Dalam pembentangan Bajet 2022, kerajaan telah bersetuju untuk memperuntukkan dana sebanyak RM1 juta untuk Akses Media OKU bagi meningkatkan akses golongan OKU dalam industri media, di mana semua rangkaian televisyen termasuk stesen swasta akan menyediakan khidmat jurubahasa isyarat dalam penyampaian berita (Kementerian Kewangan Malaysia, 2022). Menteri Kewangan Malaysia, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz berkata, inisiatif dengan bantuan BERNAMA ini membolehkan golongan OKU cakna dengan berita semasa dan informasi terkini. Selain itu, elaun jurubahasa isyarat sehingga hari ini dibiayai oleh kerajaan menerusi peruntukan geran kepada Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) melibatkan peruntukan sejumlah RM363,600 bagi tahun 2021 (Kementerian Kewangan Malaysia, 2022).

Badan berkepentingan lain seperti Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) turut lantang memperjuangkan hak OKU, malah beberapa usul telah dibentangkan sehingga ke peringkat persidangan Parlimen (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia, 2017). Baru-baru ini, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Mohd. Harun berkata bahawa pengiktirafan jurubahasa isyarat sebagai satu profesion merupakan hadiah yang sangat bernilai kepada golongan orang kurang upaya (Utusan, 2021). Beliau turut

menyarankan agar Jabatan Perkhidmatan Awam mengiktiraf jurubahasa isyarat dengan mengembangkan peranannya sebagai salah satu skim perkhidmatan awam supaya menjadi satu bidang kerjaya atau profesion tetap.

Dapatan di atas menunjukkan bahawa sokongan politik dan kerajaan terhadap kejurubahasaan isyarat kini jauh berbeza berbanding lebih sedekad lalu yang menyifatkan subbidang kejurubahasaan isyarat sebagai jauh ketinggalan berbanding kejurubahasaan lisan. Kini kejurubahasaan isyarat lebih banyak mendapat perhatian kerajaan berbanding kejurubahasaan lisan, sekali gus menandakan sokongan tidak seimbang antara subkategori kejurubahasaan lisan dan isyarat. Perbezaan sokongan ini mungkin disebabkan perbezaan antara keperluan komuniti Pekak dan komuniti yang boleh mendengar. Komuniti yang boleh mendengar mungkin memerlukan khidmat jurubahasa bagi tujuan tertentu seperti perundangan, perniagaan dan perdagangan, manakala komuniti Pekak memerlukan khidmat jurubahasa isyarat dalam semua komunikasi harian, terutamanya apabila perlu melakukan urusan dengan pihak berkuasa (polis dan mahkamah), lawatan ke hospital, dan urusan rasmi di pejabat kerajaan.

Daripada dapatan analisis di atas dapat disimpulkan bahawa Malaysia memiliki institusi pendidikan dan latihan (fasa pertama) bagi memenuhi keperluan pendidikan dan latihan jurubahasa, namun kualiti latihan dan kepelbagaian bahasa yang ditawarkan masih belum mencukupi. Elemen persatuan/organisasi (fasa kedua dan ketiga) juga wujud dalam bidang kejurubahasaan di Malaysia. Jurubahasa isyarat mempunyai persatuan khusus iaitu MyASLI, namun bagi jurubahasa lisan di Malaysia, PPM merupakan satu-satunya pilihan persatuan yang ada. Walaupun PPM menawarkan keahlian kepada semua pengamal bahasa (termasuk jurubahasa), fokus utama PPM adalah bidang terjemahan. Noraini Ibrahim (2008) menyarankan agar persatuan yang khusus bagi jurubahasa ditubuhkan untuk menggalakkan usaha pemrofesionalan, namun hal ini masih belum dilaksanakan di Malaysia. Sokongan politik dan kerajaan (fasa ketiga) juga ketara dalam kejurubahasaan di Malaysia khususnya bagi kejurubahasaan isyarat. Situasi ini selari dengan perkembangan kejurubahasaan isyarat di banyak negara lain, seperti Amerika Syarikat (Best, 2014), yang turut memaparkan sokongan kerajaan dan peningkatan kesedaran masyarakat. Perkembangan ini disambut baik kerana kejurubahasaan isyarat dahulunya jauh ketinggalan berbanding kejurubahasaan lisan. Walau bagaimanapun, usaha pemrofesionalan kejurubahasaan dapat dilaksanakan dengan lebih seragam dan lancar sekiranya sokongan politik dan kerajaan diberikan secara sama rata kepada semua subbidang kejurubahasaan agar tiada subbidang yang akan ketinggalan.

## KESIMPULAN

Walaupun terdapat ciri-ciri perkembangan yang positif, bidang kejurubahasaan di Malaysia, secara umumnya, masih memaparkan ciri-ciri kecelaruan pasaran, dengan ketiadaan kawalan kemasukan pasaran dan kod etika jurubahasa sebagai garis panduan tingkah laku profesional. Kedua-dua perkara ini telah ditekankan oleh Noraini Ibrahim (2008, 2009), namun sehingga kini, masih belum ada badan yang mengawal selia kemasukan pasaran dan menetapkan kod etika jurubahasa.

Berdasarkan sorotan kosa ilmu dan penelitian dapatan kajian ini, Malaysia kini berada di fasa pertama, kedua dan ketiga secara serentak dalam model pemrofesionalan Tseng. Elemen-elemen utama dalam ketiga-tiga fasa ini (iaitu institusi pendidikan dan latihan, persatuan dan organisasi berkaitan kejurubahasaan, dan sokongan politik dan kerajaan) wujud dalam bidang kejurubahasaan tempatan tetapi setiap satunya masih belum mencapai tahap kematangan. Secara tidak langsung, dapatan ini menggambarkan satu keperluan untuk menyemak semula model

pemrofesionalan Tseng (1992) dalam kajian akan datang, di mana struktur bersifat hierarki boleh dikemas kini menjadi satu struktur yang bersifat lebih terbuka dan semua elemen boleh wujud secara serentak dalam aliran dinamik, seperti yang digambarkan oleh situasi kini proses pemrofesionalan kejurubahasaan di Malaysia.

Gesaan untuk memprofesionalkan bidang kejurubahasaan di Malaysia telah diutarakan satu dekad setengah yang lalu oleh Bell (2007) yang menyarankan penubuhan satu badan kawal selia bagi bidang kejurubahasaan. Beliau menamakan Institut Terjemahan Negara Malaysia (kini Institut Terjemahan & Buku Malaysia) sebagai organisasi penting dalam menggerakkan usaha ini. Saranan ini disokong oleh Noraini Ibrahim (2008, 2009) dan beliau mencadangkan agar Institut Terjemahan Negara Malaysia, Persatuan Penterjemah Malaysia dan Universiti Sains Malaysia bekerjasama dalam usaha menubuhkan sebuah badan akreditasi dan sistem pensijilan jurubahasa di Malaysia bagi mengawal kemasukan jurubahasa ke dalam pasaran (Han & Slatyer, 2016). Sehingga kini, Malaysia masih belum mempunyai badan kawal selia dan sistem akreditasi jurubahasa. Institut Terjemahan Negara Malaysia pula telah beralih fokus kepada penerbitan buku setelah namanya ditukar kepada Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2011. Walau bagaimanapun, ITBM masih dianggap sebagai organisasi paling relevan dan perlu memainkan peranan utama untuk memacu pemrofesionalan kejurubahasaan di Malaysia kerana institusi ini mempunyai pengalaman yang luas serta kredibiliti yang tinggi dalam bidang kejurubahasaan tempatan.

#### PENGHARGAAN

Kajian ini disokong oleh Geran Universiti Penyelidikan GUP-2020-056: *Professionalising the Malaysian Interpreting Industry*.

#### RUJUKAN

- Bell, R. T. & Zubaidah Ibrahim (1997). Commonplace and indispensable: The interpreter in the new reality. *Proceedings of the Third International Conference on Language in Development* (hlm. 23-36). Langkawi: INTAN.
- Bell, R. T. (2007). Alternative futures for a national institute of translation: A case study from Malaysia. Dalam Wadensjö, C., Dimitrova, B. E. & Nilsson, A. (pnyt.). *The critical link 4: Professionalisation of interpreting in the community* (hlm. 107-120). Amsterdam: John Benjamins Publishing.
- BERNAMA (2022). Malaysia guna bahasa Melayu untuk setiap urusan rasmi negara – PM. *Astro Awani*. Diakses pada 21 April 2022 daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/malaysia-guna-bahasa-melayu-untuk-setiap-urusan-rasmi-negara-pm-348849>
- BERNAMA TV (2022). Diakses 30 Mac 2022 dari <https://bernama.com/bm/video/?v=63259>.
- Best, B. (2014). Considering the professionalization of American sign language interpreting. *RID Views*. 31(1), 12-14.
- Boéri, J. (2015). Key internal players in the development of the interpreting profession. Dalam Mikkelsen, H. dan Jourdenais, R. (pnyt.). *The Routledge Handbook of Interpreting*, (hlm. 29-44). London: Routledge.
- Chen, Y., & Liao, P. (2016). A revised model for the professionalization of court interpreting in Taiwan. *Compilation & Translation Review*. 9(2), 137-164.
- Gentile, P. (2016). The professional status of public service interpreters. A Comparison with nurses. *FITISPos International Journal*. 3, 174-183.



- Han, C. & Slatyer, H. (2016). Test validation in interpreter certification performance testing. An argument-based approach. *Interpreting*, 18(2), 225-252.
- Hlavac, J. (2013). A cross-national overview of translator and interpreter certification procedures. *Translation & Interpreting* 5(1), 32-65.
- Hlavac, J. (2016). Interpreter credentialing, testing and training in Australia: Past, contemporary and future directions. *FITISPos International Journal*. 3, 59-81.
- Institut Latihan Kehakiman & Perundangan (2022). Program Latihan 2022. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.ilkap.gov.my/download/latihan/2022/ProgramLatihanILKAP2022.pdf>
- Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (2022). Kursus. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.itbm.com.my/kursus>
- Ioannidis, A. & Resta, Z. (2017). A Sociological approach of the professionalization process of interpreting in Greece. Dalam Abu Hatab, W. (pnyt.). *Translation across time and space* (hlm. 81-96). Cambridge: Cambridge Scholars Publishing.
- Jourdenais, R. & Mikkelson, H. (2015). Conclusion. Dalam Mikkelson, H., Jourdenais, R. (pnyt.). *The Routledge Handbook of Interpreting*, (hlm. 29-44). London: Routledge
- Kementerian Kewangan Malaysia (2022). Bajet 2022: Tingkat Akses Golongan OKU Terhadap Media, Semua TV Sediakan Jurubahasa Isyarat. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.mof.gov.my/portal/ms/berita/akhbar/bajet-2022-tingkat-akses-golongan-oku-terhadap-media-semua-tv-sediakan-jurubahasa-isyarat>
- Leelany Ayob (2009). The visibility of translators and interpreters in Malaysia. Dalam Hasuria Che Omar, Haslina Haroon & Aniswal Abd. Ghani (pynt.). *Proceedings of the 12th International Conference on Translation*, 272-280.
- Leelany Ayob (2010). Issues in interpreting pedagogy. *International Journal of Interpreter Education*. 2(1), 102-110.
- Management & Science University (2022). Diploma in Translation and Interpreting. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.msu.edu.my/diploma-translation-and-interpreting>
- Mikkelson, H. (1996). The professionalization of community interpreting. global vision. *Proceedings of the 37th Annual Conference of the American Translators Association*. Oktober.
- NAATI. (2018). *National Accreditation Authority for Translators and Interpreters Annual Report 2017/18*. Retrieved from [https://www.naati.com.au/media/2195/naati\\_annual\\_report\\_2018-web.pdf](https://www.naati.com.au/media/2195/naati_annual_report_2018-web.pdf)
- Noraini Ibrahim (2008). Conference interpreting in Malaysia: Professional and training perspectives. Tesis Doktor Falsafah, Department of Translation and Interpretation, University of Granada, Sepanyol.
- Noraini Ibrahim (2009). Parliamentary interpreting in Malaysia: A case study. *Meta: Translators' Journal*. 54(2), 357-369.
- Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia (2022). Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.facebook.com/MyASLI/>
- Persatuan Penterjemah Malaysia (2022). Training & Courses. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.malaysiantranslatorsassoc.com/training-courses/>
- Pym, A., Grin, F., Sfreddo, C., & Chan, A. L. (2013). The status of the translation profession in the European Union. Anthem Press.

- Rabadán-Gómez, M. (2016). Professionalisation and standardisation of public service interpreting. Dalam *Challenges and opportunities in public service interpreting* (hlm. 47-85). London: Palgrave Macmillan.
- RC Deaf Missions Malaysia (2022). Diploma in Sign Language Interpreting. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.rcdeafmissionsmalaysia.com/sign-language-course/diploma-in-sign-language-interpreting/>
- Sinar Harian (2022). KPWKM dalam usaha naik taraf bidang jurubahasa isyarat. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.sinarharian.com.my/article/125317/BERITA/Nasional/KPWKM-dalam-usaha-naik-taraf-bidang-jurubahasa-isyarat>
- Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (2017). Laporan Tahunan 2017 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.parlimen.gov.my/ipms/eps/2018-12-10/ST.14.2018%20-%20ST%2014.pdf>
- Tseng, J. (1992). *Interpreting as an emerging profession in Taiwan: A sociological model*. Tesis Sarjana tidak diterbitkan, Graduate Institute of Translation and Interpretation Studies, Fu Jen Catholic University, Taiwan.
- Universiti Putra Malaysia (2022). Doktor Falsafah (Penterjemahan dan Interpretasi). Diakses pada 30 Mac 2022 daripada [https://fbmk.upm.edu.my/content/doctor\\_of\\_philosophy\\_translation\\_and\\_interpretation-27152](https://fbmk.upm.edu.my/content/doctor_of_philosophy_translation_and_interpretation-27152)
- Universiti Sains Malaysia (2022). Ijazah Sarjana Muda Sastera Terjemahan dengan Interpretasi (2022). Diakses 30 Mac 2022 daripada <https://humanities.usm.my/index.php/undergraduate-h/programmes/bachelor-of-arts-hons-translation-and-interpretation-studies>
- University of Nottingham Malaysia (2022). Introduction to Translation and Interpreting. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.nottingham.edu.my/CurrentStudents/Nottingham-Advantage-Award/Modules/Introduction-to-translation-and-interpreting.aspx>
- Utusan Malaysia (2021). Jurubahasa isyarat dicadang diiktiraf skim perkhidmatan awam. Diakses pada 30 Mac 2022 daripada <https://www.utusan.com.my/nasional/2021/12/jurubahasa-isyarat-dicadang-diiktiraf-skim-perkhidmatan-awam/>
- Witter-Merithew, A., & Johnson, L. (2004). Market disorder within the field of sign language interpreting: Professionalization implications. *Journal of Interpretation*, 14(1), 19-56.
- Zubaidah Ibrahim (2004, 31 October 2004). Say You, Say Me. *Focus, New Sunday Times*.
- Zubaidah Ibrahim (2007). The interpreter as advocate: Malaysian court interpreting as a case in point. Dalam Wadensjö, C., Dimitrova, B. E. & Nilsson, A. (pnyt.). *The critical link 4: Professionalisation of interpreting in the community*. John Benjamins Publishing.
- Zubaidah Ibrahim-Bell (2008). Legal interpreting and the Deaf community. Dalam Russell, D. & Hale, S. (pnyt.). *Interpreting in Legal Settings*. Washington, D.C.: Gallaudet University Press.

## PENULIS

Siti Aisyah Shahrudin ialah pelajar Sarjana Falsafah dalam bidang Kejurubahasaan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan mempunyai pengalaman 16 tahun sebagai jurubahasa persidangan.

M. Zain Sulaiman merupakan pensyarah kanan Pengajian Terjemahan di Universiti Kebangsaan Malaysia dan mempunyai pengalaman sebagai jurubahasa diplomatik dan persidangan untuk bahasa Arab, Inggeris dan Melayu. Beliau juga merupakan penulis bersama *Translation and Tourism: Strategies for Effective Cross-Cultural Promotion* (2019) terbitan Springer, dan penulis bersama entri *Translation and Tourism* (2021) dalam *Handbook of Translation Studies* (Vol. 5). John Benjamins Publishing Company.